

MAHATHIR GESA ORANG MELAYU GUNA BAHASA KEBANGSAAN DENGAN BETUL

KUALA LUMPUR 11 Dis.

—Orang- orang Melayu mesti menggunakan bahasa kebangsaan yang baik walaupun ketika bercakap dengan orang - orang Cina, Tamil dan lain - lain. kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, penggunaan bahasa kebangsaan loghat Tamil, Cina dan lain - lain menyebabkan berlaku pencemaran dalam penggunaan bahasa Malaysia yang betul dan jika ini tidak diatasi, bahasa kebangsaan yang baku tidak dapat berkembang. Beliau juga menarik perhatian, pementasan lawak jenaka yang berunsur etnik di mana loghat -loghat kaum lain dijadikan perkara ejekan dalam pementasan untuk memudahkan orang ketawa sedangkan penggunaan loghat itu sebenarnya membuktikan ketondusan idea seseorang

pelawak.

"Seseorang pelawak yang betul - betul cekap tidak perlu menggunakan kelemahan orang lain dalam menggunakan bahasa kebangsaan sebagai daya penarik," katanya semasa melancarkan Gerakan Cintailah Bahasa Kita, di sini hari ini.

12 DEC 1987
Perdana Menteri juga berkata, percakapan pelat dan telor tidak lagi menjadi amalan orang bukan Melayu kerana ramai dari mereka kini fasih berbahasa kebangsaan sehingga tidak diketahui sama ado yang bercakap itu orang Cina atau India atau orang Melayu sekiranya mereka yang bercakap itu tidak dapat dilihat.

"Saya percaya dalam satu generasi lagi, penguasaan bahasa kebangsaan oleh bukan Melayu akan meningkat ke tahap yang penuh," katanya.